



PENGUMUMAN

ARAHAN PENGUATKUASAAN KADAR MINIMUM ELAUN BULANAN PESERTA SL1M DARI RM 1,500 KEPADA RM 2,000

YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak telah mengumumkan **kenaikan elaun bulanan peserta SL1M kepada RM 2,000** semasa Majlis Perasmian Program Temu Duga Terbuka SL1M di MAEPS, Serdang pada 24 Februari 2018.

Penetapan kadar minimum elaun bulanan terbaharu ini adalah terpakai kepada semua peserta SL1M yang sedang dan akan menjalani latihan SL1M di syarikat-syarikat yang melaksanakan Program SL1M secara Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan syarikat penerima manfaat Kontrak Perolehan Kerajaan **berkuat kuasa pada 1 Mac 2018**. Pengumuman ini tidak memberi bebanan tambahan kepada syarikat penerima Kontrak Perolehan Kerajaan di mana kuota pengambilan peserta SL1M syarikat akan dipertimbangkan setara dengan kadar kenaikan elaun sejumlah RM 2,000. Bagi semua syarikat penerima Kontrak Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) telah membuat pindaan pada Pekeliling Perbendaharaan Kerajaan: PK 1.2 untuk mengambil kira kenaikan elaun ini dan dimuatnaik ke pautan berikut: <http://1pp.treasury.gov.my/makluman/pindaan/291>

Syarikat yang telah dan sedang melaksanakan Program SL1M sebelum 1 Mac 2018 adalah diwajibkan untuk menaikkan kadar minimum elaun bulanan Peserta SL1M dari RM 1,500 kepada RM 2,000 bermula **elaun bulan Mac 2018**.

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Sekretariat SL1M melalui:

E-mel : sl1m@epu.gov.my

Telefon : 03-8872 5291/ 5336/ 5337/ 3351/ 3376/ 3379/ 3386/ 3387/ 3388/ 3390/ 3393